SAMPEL PERCUMA

Nota Pertanian Tingkatan 5

Set penuh: Nota SPM Elektif

Pertanian

Sampel ini: 8 muka surat. Set penuh ada:

- 2 fail PDF
- Nota atau latihan Tingkatan 4 dan 5 untuk subjek yang dipilih
- Soalan objektif, struktur dan esei dengan skema jawapan
- Formula dan tips SPM


RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/nota-spm-sastera-perdagangan · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

3.1.2 Menganalisis struktur luaran iaitu akar, batang, daun dan bunga



Makanan	Respirasi	Makanan	Di Dalam
Menembusi	Menyokong	Meruncing	Menyerap

1. Struktur Luaran Akar



Struktur Luaran : Fungsi Akar (ms 14)


- Merupakan bahagian tumbuhan di dalam tanah, dengan tumbuh arah ke pusat bumi (geotrop) atau menuju ke air (hidrotrop), dan meninggalkan udara dan cahaya.
- Biasanya, bentuk hujungnya meruncing untuk memudahkan menembusi tanah dan menyokong berdirinya tumbuhan.
- Untuk menyerap air dan nutrien dari dalam tanah
- Mengangkut air dan zat-zat makanan yang sudah diserap ke tempat-tempat pada tubuh tumbuhan yang memerlukan
- Pada sebahagian tumbuhan akar berfungsi sebagai :
    - Alat respirasi (pokok bakau)
    - Tempat menyimpan makanan (ubi kayu)
    - Tempat pembiakan (pokok sukun)

TP1	


Bentuk Daun Tumbuhan

Satu	Satu Tangkai	Lebih	Satu Helai

Struktur Daun




Struktur Daun Tunggal (ms 18)



- Daun tunggal (single leaf) merujuk kepada satu helai daun pada setiap satu tangkai yang melekat terus ke dahan atau batang tumbuhan.
- Daun tunggal mempunyai bahagian-bahagian daun yang berbeza dengan tumbuhan lain.
- Tempat letaknya daun pada batang tumbuhan dikenali sebagai aksil.

Struktur Daun Majmuk (ms 19)

- Daun majmuk (compound leaf) pula ialah daun yang terbahagi kepada beberapa anak daun atau mempunyai lebih daripada satu helaian daun yang terlekat pada tangkai daun yang sama.
- Daun majmuk dibahagikan kepada lima jenis daun iaitu:



3.2 Proses Utama Fisiologi Tumbuhan

3.2.1 Menerangkan proses utama dalam fisiologi tumbuhan iaitu fotosintesis, respirasi, penyerapan, translokasi dan transpirasi.

Proses Utama Fisiologi Tumbuhan (ms 39) :

1. Fotosintesis,
2. Respirasi,
3. Penyerapan,
4. Translokasi
5. Transpirasi.

Proses Utama Fisiologi Tumbuhan

1. Fotosintesis (ms 39)

Kloroplas	Karbon Dioksida	Karbohidrat	Memerangkap

- Fotosintesis ialah proses tumbuhan menghasilkan karbohidrat dan oksigen daripada karbon dioksida, air dan cahaya matahari.



Formula Fotosintesis


- Proses yang berlaku di dalam sel yang mempunyai kloroplas kecuali alga biru hijau dan bakteria ungu yang mempunyai klorofil yang terikat pada membran.
- Klorofil berfungsi untuk memerangkap cahaya matahari
- Oksigen (O_2) boleh meresap ke dalam larutan di dalam air sel atau meresap keluar daripada sel atau digunakan di dalam proses sel yang lain iaitu respirasi.
- Glukosa/ kanji ($C_6H_{12}O_6$) adalah hasil penting dari proses fotosintesis.

3.2.2 Menghuraikan perkaitan antara proses fotosintesis dengan respirasi, penyerapan, translokasi dan transpirasi.

Perkaitan antara proses respirasi dan fotosintesis (ms 50)

Sama Dengan	Air (H_2O)	Penguraian	Karbon Dioksida (CO_2)
Menggantikan	Air (H_2O)	Penghasilan	Karbon Dioksida (CO_2)

1. Respirasi
   - Respirasi merupakan proses penguraian glukosa menjadi air (H2O) dan karbon dioksida (CO_2)
   - Proses fotosintesis merupakan proses penghasilan karbohidrat / glukos dan oksigen daripada Air, Karbon Dioksida dan tenaga (cahaya matahari).



Rumusan :

1. Titik keseimbangan ialah keadaan dimana kadar fotosintesis sama dengan kadar respirasi.
2. Titik keseimbangan juga merupakan aras keamatan cahaya iaitu apabila kadar penghasilan karbon dioksida dalam respirasi sama dengan kadar penggunaan karbon dioksida dalam proses fotosintesis.

Sistem Penanaman

Sampingan	Kurang	Efektif	Perosak
Peredaran	Matahari	Sementara	Dikurangkan
Segi Empat	Lereng Bukit	Sawit	Siku Keluang

1. Segi Tiga
   - Sesuai untuk sayuran terpilih, kelapa sawit, koko dan lada hitam.
   - Penggunaan tanah lebih efektif (tanaman per hektar lebih banyak).
   - Tanaman mendapat cahaya matahari lebih baik.
   - Serangan penyakit dapat dikurangkan
   - Peredaran udara baik.
2. Segi Empat
   - Sesuai untuk jagung, kelapa sawit, koko dan lada hitam.
   - Populasi tanaman per hektar kurang.
   - Perlu sesuaikan dengan pancaran matahari utara selatan bagi memastikan kedudukan pokok seimbang.
   - Memudahkan kerja memotong rumput, mengawal perosak dan menuai hasil.
3. Siku Keluang
   - Sesuai untuk tanaman kelapa sawit dan koko.
   - Tanaman sementara ditanam ditengah–tengah antara pokok utama.
   - Mendapatkan hasil sampingan semasa menunggu hasil daripada tanaman kekal.
4. Kontor
   - Sesuai untuk kelapa sawit dan getah.
   - Dilaksanakan di lereng bukit atau kawasan berkontur.
   - Teres dibina untuk memudahkan kerja penanaman.

Pengurusan	Standard	Penjenamaan	Undang-Undang
Pengiktirafan	Risiko	Organik	Selamat
Myorganic	Tidak	Alam Sekitar	Berkualiti

Garis panduan alam sekitar berkaitan pengawalan perosak tanaman

1. Amalan Pertanian Baik (GAP)
   - Amalan Pertanian Baik (GAP) merupakan satu cara pengurusan ladang pertanian yang dilaksanakan mengikut standard dan undang-undang bagi :
     - mengawal dan mengurangkan risiko dan impak terhadap aktiviti pengeluaran pertanian.
     - meningkatkan produktiviti, menjaga keselamatan dan kebajikan pekerja,
     - keselamatan makanan
     - pemuliharaan alam sekitar
2. Amalan Pertanian Baik Malaysia (MyGAP)
   - Pensijilan oleh Jab Petanian kepada ladang yang menjalankan GAP
   - Penjenamaan semula bagi menggantikan Skim Amalan Ladang Baik Malaysia (SALM)
3. Skim Amalan Ladang Baik Malaysia (SALM)
   - Skim pensijilan yang diperkenalkan oleh Jabatan Pertanian untuk memberi pengiktirafan kepada ladang yang mengamalkan Amalan Pertanian Baik (GAP) bagi mengeluarkan hasil tanaman yang berkualiti dan selamat untuk dimakan.
   - Ladang yang telah mencapai peringkat ini akan dianugerahkan sijil dan layak mengguna logo SALM pada produk mereka selama 2 thn.
4. Skim Organik Malaysia (SOM)
   - Tujuannya : menarik minat penyertaan usahawan tani. Pengiktirafan diberikan kepada ladang-ladang yang diusahakan secara organik

Ringkasan Kesan Aktiviti Pengawalan Perosak

keracunan	Merosakkan	mudah	Resistan racun
tinggi	sementara	Tidak terjamin	Luas
Keasidan	Tiada pencemaran	Merosakkan	Tanaman penolak
Mudah didapati	Alam sekitar	Cepat	Meninggalkan kesan
Kesan sampimgan	Selamat dimakan	efektif	Modal yang tinggi

Kaedah	Kesan Baik	Kesan Buruk
Kawalan Kimia	▪ Bertindak cepat dan kesan dapat dilihat segera. ▪ Berspektrum luas dan mampu mengawal banyak sepsis sekaligus. ▪ Mudah didapati di pasaran ▪ Boleh digunakan pada bila-bila masa sahaja	▪ Menyebabkan keasidan tanah oleh bahan benzene dan klorida. ▪ Menyebabkan keracunan makanan. ▪ Menyebabkan pencemaran alam sekitar (air, tanah dan udara) ▪ Perosak menjadi kebal / resistan racun ▪ Mencederakan tisu tanaman ▪ Meninggalkan kesan bau dan rasa pada hasil tanaman
Kawalan Fizikal	▪ Tidak merosakkan kualiti hasil lepas tuai. ▪ Tiada kesan sampingan. ▪ Mudah dikendalikan.	▪ Memerlukan modal yang tinggi bagi pembelian dan penyelenggaraan alat dan jentera. ▪ Keberkesanan sementara
Kawalan Organik	▪ Hasil tanaman selamat dimakan. ▪ Kos efektif. ▪ Tiada pencemaran alam sekitar.	▪ Menjejaskan keluasan untuk tanaman utama kerana perlu menanam tanaman penolak. ▪ Keberkesanan membunuh perosak tidak terjamin.

Bencana Alam	Modal	Jangkaan	Dicampur
Akhir	Ditolak	Jumlah Kos	Mendadak
Tambahan	Ditolak	Pendapatan	Jumlah Perbelanjaan

- Menghitung Kos Luar Jangka
  - Kos luar jangka merupakan perbelanjaan tambahan selain daripada perbelanjaan jangkaan yang perlu ditanggung oleh pengusaha.
  - Pengusaha lazimnya akan memperuntukkan 5% hingga 10% daripada jumlah kos sebagai kos luar jangka.

Contoh: Pengiraan kos luar jangka 10%

$$\text{Kos Luar Jangka} = \frac{10}{100} \times \text{Jumlah Kos}$$

  - Ini berlaku berkemungkinan daripada tanaman yang diserang penyakit, bencana alam atau pun kenaikan harga barang secara mendadak
- Modal Akhir
  - Modal akhir adalah modal yang terdapat pada akhir suatu projek tanaman.
  - Modal akhir ialah modal awal dicampur dengan keuntungan ditolak ambilan atau modal awal ditolak dengan kerugian dan ambilan.
  - Keuntungan ialah pendapatan yang diperolehi setelah ditolak dengan jumlah perbelanjaan.

Cara pengiraan modal akhir

$$\text{Modal Akhir} = \text{Modal Awal} + \text{Keuntungan} - \text{Ambilan}$$

Atau

$$\text{Modal Akhir} = \text{Modal Awal} - \text{Kerugian} - \text{Ambilan}$$

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: Nota SPM Elektif

Pertanian

Sampel ini: 8 muka surat. Set penuh ada:

- 2 fail PDF
- Nota atau latihan Tingkatan 4 dan 5 untuk subjek yang dipilih
- Soalan objektif, struktur dan esei dengan skema jawapan
- Formula dan tips SPM

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/nota-spm-sastera-perdagangan · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar